



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 18 JUN 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEBIH 50 PERATUS PETANI TERDIRI DARIPADA WARGA EMAS, NASIONAL, BH-15	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	DOSM RANCANG BANGUNKAN INDEKS PENGELUARAN PERTANIAN NEGARA, NEGARA, KOSM0-8	
3.	A DOUBLE WHAMMY FOR FARMERS, NATION, THE STAR-3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	82-YEAR-OLD MAN ARRESTED OVER ANIMAL ABUSE, NATIONAL, THE SUN-5	LAIN-LAIN
5.	LAHIR RAMAI TEKONG TEMPATAN ELAK BERGANTUNG KRU ASING, DALAM NEGERI, UM-11	
6.	SUNGAI JURU TERCEMAR, TERNAKAN KERANG TERJEJAS, NASIONAL, SH-19	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lebih 50 peratus petani terdiri daripada warga emas

Kepala Batas: Lebih 50 peratus petani dikenal pasti terdiri daripada warga emas berusia 60 tahun ke atas, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Kertua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata dapatan itu adalah berdasarkan hasil Banci Pertanian 2023.

"Kita menyedari individu ini (petani warga emas) akan berada di lapangan (sawah) dan akan bertani sehingga mereka tidak larat kerana itu adalah resam (orang) yang duduk di luar bandar... mereka juga tidak mempunyai pencen. Itulah sebabnya selagi ada umur dan kesihatan yang baik, mereka akan terus bertani.

"Namun, bantian dilakukan juga mendapati muncul potensi tinggi dalam kalangan belia yang mahir untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian.

"Cuma sekarang, untuk me-



Mohd Uzir bersama Fahmi (dua dari kiri) menunjukkan buku Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Pulau Pinang di Kepala Batas, semalam.

(Foto Daniel Saad/BH)

narik belia memasuki sektor pertanian, lebih banyak usaha harus dilakukan kerana mereka menyangka pertanian itu perlu berkeadaan kotor.

"Malah kini, ada banyak teknologi yang dapat membantu

dan mereka tidak perlu berada di lapangan sepanjang masa," katanya kepada pemberita pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Pulau Pinang yang disempurnakan EXCO Agroteknologi, Keterjami-

nan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zahol, di Institut Pertanian Bumbong Lima, di sini semalam.

Mohd Uzir berkata, dapatan Banci Pertanian 2023 juga menunjukkan sektor pertanian menghasilkan jualan RM161 bilion.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya bercadang untuk membangunkan statistik Indeks Pengeluaran Sektor Pertanian Negara sebagai indikator bagi membantu memastikan keterjaminan makanan berada pada tahap yang baik.

Sebelum ini, katanya, kebanyakan tumpuan diberikan kepada pembangunan statistik berkaitan indeks pengeluaran dalam sektor perkilangan, elektrik dan perkhidmatan.

"Justeru, kami (DOSM) bersama agensi (pertanian) bercadang agar selepas ini akan ada indeks pengeluaran sektor pertanian negara (lebih menyeluruh) yang akan menjadi salah satu indika-

tor kepada keterjaminan makanan negara.

"Melalui statistik itu nanti, kita boleh melihat sektor (pertanian) yang lebih berkesan serta negeri dan daerah mana yang mengeluarkan hasil lebih baik, sekali gus dapat dijadikan rujukan kepada yang lain-lain," katanya.

Mohd Uzir berkata, bahawa pihaknya menyasarkan statistik pertanian itu akan dikeluarkan secara lebih berkala dan bukan dalam tempoh panjang.

"Sebenarnya yang paling bagus, (statistik sektor pertanian) dikeluarkan lebih berfrekuensi secara bulanan atau suku tahun seperti dalam sektor perkhidmatan yang mana kita keluarkan setiap suku tahun.

"Kita akan membincangkan perkara ini nanti. Yang kita nam-pak, statistiknya (sektor pertanian) perlu dikeluarkan secara berkala (berikut ia membabitkan keterjaminan makanan negara)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2025	KOSMO	NEGARA	8

DOSM rancang bangunkan Indeks Pengeluaran Pertanian Negara

SEBERANG PERAI – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merancang untuk membangunkan statistik Indeks Pengeluaran Pertanian Negara yang bakal dijadikan indikator keterjaminan makanan negara.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, inisiatif itu akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi berkaitan bagi merangka tindakan lebih tepat dan bersasar.

Menurutnya, sebelum ini statistik hanya tertumpu terhadap indeks pengeluaran membabitkan sektor perkilangan, elektrik dan perkhidmatan.

"Sebelum ini indeks pengeluaran pertanian tidak ada. Kita cuma ada (statistik) pengeluaran berapa tan sawit, padi namun ia tidak merangkumi secara komprehensif.

"Oleh itu, statistik terbaharu ini bakal menyediakan data yang lebih lengkap dan dianggarkan bakal dikeluarkan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh suku tahun.

"Statistik ini dapat mengenal pasti pengeluaran pertanian negeri mana yang mencatatkan peningkatan dan data-data ini dapat dijadikan rujukan serta perkongsian buat agensi agensi lain mengikut kepentingan yang



MOHD. UZIR (dua, kiri) dan Fahmi (tiga, kanan) pada Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Pulau Pinang semalam.

bersesuaian," katanya selepas menghadiri Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Negeri Pulau Pinang yang dirasmikan Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi

negeri, Fahmi Zainol di Institut Pertanian Bumbong Lima di sini semalam.

Untuk rekod, sektor pertanian negara mencatatkan jualan sebanyak RM161 bilion pada tahun 2023.

A double whammy for farmers

Kedah padi planters hit by heat and lack of machinery

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: It's bad enough that padi farmers here are suffering from the hot spell, now they have also been hit with a lack of machinery.

The unusual weather has made soil preparation and water management difficult, delaying planting.

It's already mid-June, but most farmers are still believed to be in the seedling or early tillering stages, although the planting season traditionally begins in mid-April and runs through August.

"It is harder for us to stick to the usual planting schedule, as the hot season and unpredictable rainfall have disrupted soil preparation and water management,"

said padi farmer Wan Maharuddin Sulaiman, 68.

"We cannot rely on rainfall, and many of us do not have access to proper irrigation."

Wan Maharuddin, who has been planting padi in Pokok Sena for over 20 years, said this year's conditions are among the most difficult he has ever seen.

"The fields should already be lush and green by now but due to the dry conditions, we cannot even begin preparations," he said.

Another padi farmer in Pendang, Abdul Rahman Mohamad, 75, said while the unpredictable weather is nothing new, a severe shortage of farm machinery has presented a bigger problem this year.

"The poorer farmers who don't

have their own equipment are forced to wait their turn. This causes more delays to the planting schedule.

"Not every farmer can afford to buy new machinery, so we borrow from others."

"Just imagine - over 50 farmers in one area sharing one or two tractors. I believe it is the same story elsewhere," he said.

Abdul Rahman hopes the authorities will bring additional machinery and offer subsidised

Sowing the seeds: Farmers in Kedah preparing to start the first planting season of this year despite the looming hot season. — LIM BENG TATT/The Star



water pumps to ease the burden, especially during peak planting periods.

"If the government can send more equipment, it would help us a lot," he said.

Abdul Rahman added, however, that water supply for the first planting season remains sufficient.

Muda Agricultural Development Authority (Mada) chairman Datuk Dr Ismail Salleh said there is no concern about water supply for

the first planting season, as the southwest monsoon has brought enough rain, though he acknowledged that farms in hilly areas or far from water sources may face challenges.

"Mada will deploy water pumps in affected areas while efforts are ongoing to improve infrastructure and boost padi yields."

"We are restructuring the padi industry with comprehensive reforms to improve quality, pricing and production," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2025	THE SUN	NATIONAL	5

82-year-old man arrested over animal abuse

SUNGAI PETANI: An 82-year-old man has been arrested to assist in an investigation into a widely spread incident in which a dog was dragged behind a motorcycle in Bandar Puteri Jaya near here.

Kuala Muda police chief ACP Hanyan Ramlan said the man was picked up at his home in Bandar Puteri Jaya at 8pm on Monday.

"Police seized a red motorcycle, a set of keys with a road tax and a white helmet.

"The man was brought to the Kuala Muda police headquarters for further investigation. Checks revealed he has no criminal record."

He said the man was found to be suffering from dementia and memory loss but admitted to dragging his pet dog, although he could not recall why he did so.

"Further investigations are ongoing under Section 428 of the Penal Code, and the dog will be handed over to the Veterinary Department once medical treatment is completed."

In the incident, which occurred at 4.30pm on Sunday, the man was seen dragging his pet dog, which was tied to the back of his motorcycle, along the road.

This resulted in injuries to the animal before he was stopped by passersby.

It is believed that the owner chained the dog to his motorcycle and dragged it to get rid of it, on the grounds that he no longer wanted to keep the animal after four months.

A woman recorded the incident and uploaded the footage on Facebook.

Hanyan Ramlan said his department has received a police report regarding the incident.

"Initial investigations found that the dog was not dead but injured, and it was sent to an animal clinic for treatment," he said. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Lahir ramai tekong tempatan elak bergantung kru asing

KUALA TERENGGANU:

Pengenalan program Latihan dan Geran Keusahawanan Nelayan Tempatan bertepatan pada masanya dalam melahirkan lebih ramai tekong dan nakhoda supaya industri perikanan tidak terlalu bergantung kepada tekong warga asing.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu, Mat Yassim Mohamed berkata, seramai 6,750 nelayan berdaftar di seluruh negeri ini namun tidak ramai golongan muda yang mampu menjadi tekong.

"Kita mahu melatih lebih ramai nelayan muda menjadi tekong dan nakhoda supaya tidak bergantung kepada tekong warga asing semata-mata.

"Selain itu boleh melatih nelayan menjadi mekanik dan peluang lain berkaitan pelayaran bot nelayan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Kerajaan dilapor memperuntukkan RM300 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) untuk memperkukuh sektor perikanan negara serta memperkasa komuniti nelayan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, menerusi peruntukan ini, kerajaan memastikan kelangsungan sumber laut negara, kebajikan nelayan dan integriti sistem subsidi terus dipelihara.

Selain itu, kata Ahmad Zahid, Program Latihan dan Geran Keusahawanan Nelayan Tempatan diperkenalkan dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Lumut, Perak, akan melatih tekong dan nelayan tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kru asing.

Menurut Mat Yassim, situasi nelayan pada masa kini tidak seperti dahulu memandangkan hasil tangkapan semakin berkurangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

Sungai Juru tercemar, ternakan kerang terjejas

NELAYAN Kampung Kuala Juru, Pulau Pinang kini tersepit apabila kawasan ternakan kerang yang diusahakan sejak lebih dua dekad lalu terjejas teruk akibat lambakan rumpai air jenis keladi bunting yang memenuhi permukaan Sungai Juru sejak beberapa bulan lalu.

Bagi mereka, kemunculan pokok kemeling itu bukan sekadar gangguan biasa, malah menjadi mimpi ngeri yang mengancam hasil laut, merosakkan bot dan menyekat laluan sungai, sekali gus memusnahkan sumber rezeki yang menjadi nadi kehidupan penduduk setempat.

Selain itu, nelayan turut berdepan dengan pencemaran sungai yang dipenuhi sampah sarap, khususnya sisa plastik, yang turut memberi kesan kepada kualiti air dan ekosistem sungai.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI yang menyingkap pendetitan nelayan di sebalik krisis alam sekitar yang semakin meruncing ini.

dan membesar secara sihat.

K keadaan itu bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan kerana kawasan ternakan kerang berkenaan, yang diusahakan oleh Persatuan Nelayan Kampung Kuala Juru sejak lebih dua dekad lalu, menjana pendapatan sehingga RM150,000 sebulan kepada komuniti nelayan di kawasan tersebut.

Ketua Nelayan Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, 57, berkata, perubahan ketara aliran air sungai dan peningkatan rumpai air menyebabkan kerang lebih mudah mati sebelum mencapai tempoh matang.

"Kami ternak kerang ini dalam masa setahun, barulah boleh dituai dan dijual. Tetapi sejak beberapa bulan lalu, kami terpaksa tukar kawasan ternakan disebabkan pokok kemeling yang sangat banyak.

"Kami risau kandungan ammonia dalam air makin tinggi dan boleh menyebabkan kerang mati sebelum matang," katanya ketika ditemui pada Selasa.

Tambahnya lagi, kawasan tebing dan hilir sungai yang dahulunya sesuai untuk ternakan kini diiluti sepenuhnya oleh tumbuhan air itu, sekali gus menyukarkan kerja pemantauan dan pembersihan kawasan ternakan.

Selain menjejaskan kerang, kehadiran pokok kemeling juga menimbulkan masalah kepada operasi harian nelayan. Bot tersangkut, jaring koyak dan enjin rosak menjadi keluhan biasa sejak be-



Perubahan ketara kualiti air menyebabkan kerang lebih mudah mati sebelum mencapai tempoh matang.



Sisa buangan plastik dari Sungai Rambai yang kemudian mengalir ke Sungai Juru dan terus ke laut berhampiran.

rapa minggu kebelakangan ini.

"Situasi ini semakin membimbangkan kerana laluan keluar masuk bot turut terjejas, terutama ketika air surut.

"Sungai ini bila air surut jadi sempit, bila ada pokok kemeling yang banyak, bot nelayan tersangkut. Tangkol, pukut semua rosak. Kalau enjin tersangkut, boleh rosak dan kena baik, semua itu kos," katanya.

Beliau menambah, kebanyakan nelayan bergantung sepenuhnya kepada hasil kerang sebagai sumber pendapatan utama dan jika masalah itu dibiarkan berlarutan, ia akan menyebabkan kerugian besar dan kehilangan hasil usaha selama setahun.

Tambah Wahid lagi, pencemaran sungai itu bukan sahaja berpunca daripada rumpai air, malah turut disebabkan sisa buangan plastik dari Sungai Rambai yang kemudian mengalir ke Sungai Juru dan seterusnya ke laut berhampiran.

"Masalah ini bukan perkara baharu. Aduan telah dibuat kepada pihak berwajib, namun sehingga kini tiada tindakan berkesan diambil.

"Kami kecewa kerana aduan yang dibuat selama ini tidak dipandang serius walaupun impaknya besar kepada pendapatan kami. Keadaan ini dikhawatirkan akan bertambah buruk sekiranya tiada tindakan segera diambil.

"Kami bimbang kerang yang ditanam akan mati sekiranya sisa plastik dan rumpai terus mendap di kawasan ternakan. Ini bukan sahaja menyebabkan kerugian besar, malah menjejaskan keseluruhan industri ternakan kerang di sini," katanya.

Beliau menambah, pokok kemeling berpotensi mencetuskan pelbagai masalah lain kepada alam sekitar termasuk mengubah komposisi oksigen dalam air, menyekat cahaya matahari dan menyebabkan pertumbuhan bakteria berbahaya.



WAHID

TERNAKAN kerang seluas 8.9 hektar yang menjadi sumber rezeki utama nelayan di Kampung Kuala Juru kini berdepan ancaman serius akibat lambakan rumpai air jenis keladi bunting atau pokok kemeling yang memenuhi permukaan Sungai Juru sejak beberapa bulan lalu.

Lambakan rumpai tersebut bukan sahaja mencemarkan pemandangan dan menjejaskan ekosistem sungai, malah mengganggu pertumbuhan benih kerang yang memerlukan air bersih untuk hidup



Lambakan rumpai air jenis keladi bunting atau pokok kemeling memenuhi permukaan Sungai Juru sejak beberapa bulan lalu.